

03 JUN 2004

Abdullah-Integrasi

ASIA TIMUR PERLUKAN PENINGKATAN BESAR DALAM INTEGRASI EKONOMI - PM

Oleh: Azman Ujang

TOKYO, 3 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad

Badawi hari ini menggesa bagi satu peningkatan besar dalam integrasi ekonomi Asia Timur, dengan berkata inilah masanya untuk berbuat demikian kerana rantau ini lebih aman kini berbanding beberapa ratus tahun lepas.

Sambil menyifatkan integrasi ekonomi Asia Timur merupakan satu daripada keajaiban era modern, Abdullah berkata negara-negara di rantau ini kini patut memperluaskannya menjangkau bidang ekonomi ke bidang-bidang seperti politik, kewangan, pendidikan, kesihatan buruh, sains, teknologi dan alam sekitar.

"Jika kita boleh melanjutkan kerjasama dan integrasi politik kini, kita pastinya boleh menyumbang dengan banyaknya terhadap keamanan dan kestabilan di rantau ini.

"Jika kita boleh berintegrasi dan bekerjasama secara diplomatik, kita pastinya boleh meningkatkan kedudukan dan peranan kita dalam dunia," katanya pada persidangan antarabangsa ke-10 mengenai masa depan Asia di sini.

Abdullah, penyampai ucap tama pada persidangan tahunan anjuran kumpulan akhbar Nikkei itu berkata integrasi ekonomi Asia Timur yang melibatkan 10 negara Pertubuhan Negara-negara Asia Tenggara (Asean) dengan Jepun, China dan Korea Selatan, sudahpun merupakan satu fakta kuasa yang telah pun merubah, bukan hanya dunia sekitar mereka, tetapi juga dunia yang lebih luas di luar rantau.

"Peluang terbentang luas tanpa sekatan sempadan lagi. Usaha beberapa orang lelaki dan wanita cemerlang yang akan berucap pada persidangan ini hari ini, telah memberikan impak besar.

"Hasil sumbangan mereka, dunia ini tidak akan sama lagi," kata Perdana Menteri mengenai pemedato lain yang termasuk bekas Perdana Menteri

Malaysia

Tun Dr Mahathir Mohamad, bekas Presiden Filipina Fidel V. Ramos dan Menteri

Kanan Singapura Lee Kuan Yew.

Beliau mencadangkan forum Asean+3 (dengan Jepun, China dan Korea Selatan) dijadikan sidang kemuncak tetap Komuniti Ekonomi Asia Timur untuk

menyuntik integrasi yang lebih besar negara-negara ini.

"Ini pada masa yang sama akan menjadi satu landasan pragmatik bagi

kerjasama serantau dalam bidang ekonomi, politik dan diplomasi.

"Ini akan menjadi peningkatan besar ke tahap ketinggian baru dan arah

baru serta meningkatnya tahap selesa Asean+3 kepada pengukuhan terhadap

kepercayaan dan keyakinan di kalangan mereka," katanya.

Perdana Menteri memberitahu persidangan itu bahawa integrasi Asia Timur

tidak memerlukan pengwujudan "Asiacrats" serupa dengan "Eurocrats" di

Brussels, ibu pejabat Kesatuan Eropah.

Pada pandangannya, apa yang perlu disegerakan ialah pengwujudan satu

rangkaian kumpulan pemikir Asia Timur yang aktif, imaginatif dan kreatif.

Abdullah berharap Kongres Asia Timur yang akan diadakan di Kuala Lumpur

lewat bulan ini, serta Forum Asia Timur yang juga akan dihoskan Malaysia

pada hujung tahun, akan mencetuskan cadangan-cadangan konkrit yang boleh di

ketengahkan kepada para pemimpin Asean+3 dalam pertemuan mereka setiap

tahun.

Beliau juga bercakap mengenai mesyuarat tahunan para pemimpin Asean+3,

dan menyifatkannya sebagai "penting dari segi simboliknya, diplomatik dan

politik."

Bagaimanapun beliau juga memperkatakan mengenai perlunya untuk menjana

idea yang kreatif dan produktif untuk memberikan isi dan bahan penting

supaya proses Asean+3 boleh dipacu ke arah baru dan cemerlang.

Mengakhiri ucapannya, Abdullah berkata: "Kita tidak harus menjadi

sebuah rantau yang hanya boleh mengatakan Tidak. Ini jauh terlalu negatif.

Sebaliknya adalah lebih baik menjadi sebuah rantau yang boleh mengatakan

Ya. Ya untuk keamanan, Ya untuk kestabilan, Ya untuk keadilan dan Ya untuk

kemakmuran, bukan hanya di rantau ini tetapi juga global."

Terdahulu, Perdana Menteri berkata beliau datang ke persidangan itu

sebagai menunaikannya janjinya tahun lepas kepada Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Nikkei Ryoki Sugita.

"Saya hampir lupa mengenainya," katanya.

Dan beliau membuat hadirin ketawa apabila "mengumumkan" sejurus sebelum

memulakan ucapannya bahawa beliau terlupa mengenai cermin matanya.

"Saya tertinggal cermin mata saya, maaf," katanya sedang Duta Malaysia

ke Jepun Datuk Marzuki Mohamed Noor naik ke pentas menyerahkan

cermin mata

itu.

Abdullah kemudian mengunjungi Perdana Menteri Jepun Junichiro Koizumi

sebelum berlepas pulang dari lawatan sehari ke negara ini.

-- BERNAMA

AU KHY ROn